



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

PENDIDIKAN  
UNTUK  
SEMUA

Soalan - Soalan Lazim Berkaitan  
PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN  
PROGRAM RANCANGAN  
MAKANAN TAMBAHAN (RMT)  
TAHUN 2020



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## Soalan - Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Tahun 2020

**1. Apakah tujuan utama pelaksanaan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT)?**

Bertujuan memberikan makanan berkhasiat kepada murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan di sekolah rendah KPM.

**2. Apakah Hasrat kerajaan dalam melaksanakan program ini?**

Menyediakan bantuan pendidikan kepada golongan yang memerlukan dan memberi kesamarataan akses terhadap terhadap pendidikan berkualiti kepada rakyat

**3. Apakah objektif Penambahbaikan Program RMT ini?**

1. Menyediakan bantuan pendidikan kepada golongan yang benar- benar memerlukan
2. Mendidik murid untuk mengamalkan pengambilan sarapan, gaya hidup sihat yang membantu merangsang proses tumbesaran mereka di peringkat umur awal persekolahan.
3. Menerapkan nilai murni serta membina disiplin melalui amalan adab dan etika makan dalam kalangan murid.
4. Membantu murid memberi fokus dalam pengajaran dan pembelajaran.
5. Memberi kesamarataan akses terhadap pendidikan berkualiti kepada rakyat
6. Membina negara bangsa dengan melahirkan modal insan yang sihat, cerdas, ceria, bersih dan mengamalkan nilai-nilai murni.

**4. Siapakah kumpulan sasar bagi program ini?**

Semua murid sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan daripada golongan keluarga dalam kategori Miskin berdasarkan Jadual Paras Garis Kemiskinan Nasional



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## Soalan - Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Tahun 2020

**5. Bilakah program ini akan mula dilaksanakan?**

Mula dilaksanakan pada 20 Januari 2020

**6. Berapa buah sekolah yang terlibat dalam program ini bagi tahun 2020**

Melibatkan 100 buah sekolah terpilih dengan tambahan lebih kurang 4,000 orang murid.

**7. Bagaimanakah Program ini diuruskan dan siapakah yang bertanggungjawab untuk menyediakan sarapan ini?**

Menggunakan kaedah pengurusan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sedia ada termasuk kaedah perolehan, pilihan menu dan jawatankuasa yang terlibat

Sarapan disediakan oleh pengusaha kantin di setiap sekolah terlibat.

**8. Pada waktu bilakah sarapan akan diberikan kepada murid pada setiap hari persekolahan?**

Waktu pelaksanaan adalah antara jam 7.00 hingga 7.30 pagi bagi persekolahan sesi pagi dan jam 12.30 hingga 2.00 petang bagi persekolahan sesi petang mengikut ketetapan pengurusan sekolah (kecuali hari Jumaat pada waktu rehat biasa)

**9. Berapakah kos sarapan bagi setiap murid?**

RM 2.50 bagi setiap murid di Semenanjung dan RM 3.00 di Sabah, Sarawak dan W.P Labuan

**10. Bagaimanakah KPM menjamin kualiti makanan yang diberikan kepada murid?**

KPM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta pakar pemakanan di universiti tempatan bagi menjamin kualiti sarapan yang disediakan pada tahap terbaik.



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## Soalan - Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Tahun 2020

**11. Dari manakah sumber peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan program ini?**

Menggunakan sumber peruntukan sedia ada KPM (peruntukan program RMT)

**12. Apakah kriteria pemilihan sekolah bagi pelaksanaan program dalam tahun 2020?**

Keutamaan diberikan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai peratus tertinggi dari golongan B40 di setiap negeri dan mengambil kira semua jenis sekolah iaitu SK, SJKC, dan SJKT

KPM berusaha untuk menyenaraikan sekurang-kurangnya satu sekolah setiap daerah namun jumlah PPD yang ada melebihi 100 buah.

Mengambil kira bahawa KKM telah memperuntukkan seorang Pegawai Sains Pemakanan bagi setiap daerah untuk memberi khidmat nasihat kepada sekolah berkaitan menu PSP

Pemilihan sekolah juga adalah berkadar dengan jumlah bilangan sekolah yang melaksanakan RMT di setiap negeri.

**13. Adakah program ini akan diperluaskan?**

Bergantung kepada peruntukan yang diperolehi oleh KPM.

**14. Adakah guru juga menerima sarapan dalam program ini?**

Guru tidak menerima sarapan

walaupun bagaimanapun, guru digalakkan bersama-sama murid semasa bersarapan sebagai sebahagian daripada aktiviti program Guru Penyayang dan mengawal disiplin murid.

**15. Bagaimanakah pemantauan akan dilaksanakan**

Dilaksanakan secara berkala oleh pegawai-pegawai daripada PPD, JPN, KPM dan dengan kerjasama Pegawai Sains Pemakanan yang ditempatkan di setiap daerah oleh KKM.



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## Soalan - Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Tahun 2020

**16. Bagaimana dengan murid yang mempunyai alahan terhadap makanan yang diberikan seperti produk tenusu, kacang atau telur**

KPM menyediakan borang kebenaran ibu bapa untuk mereka menyertai program ini dan memberikan maklumat berkaitan masalah murid yang mempunyai alahan terhadap makanan tertentu

Perbincangan dengan pihak jawatankuasa di peringkat sekolah boleh diadakan untuk menyelesaikan masalah ini?

**17. Adakah program ini mengganggu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid dan guru**

Tidak mengganggu PdP murid dan guru kerana waktu pemberian sarapan adalah diluar waktu PdP.

